

HUJAH PERBINCANGAN PERISTIWA BOM BALI DALAM SOROTAN: SATU ANALISIS DARI PERSPEKTIF ISLAM

*The Review of Bali Bombing Incident:
An Analysis from an Islamic Perspective*

¹RAHIMIN AFFANDI ABDUL RAHIM

^{2a}MUHD IMRAN ABD RAZAK

³AWANG AZMAN AWANG PAWI

¹Jabatan Fiqih dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

^{2a}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perak,
32610 Seri Iskandar, Perak.

³Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Corresponding author: ¹faqir_ilia_rabbih@um.edu.my

²aimranrazak@uitm.edu.my

³awangazman@um.edu.my

Dihantar: 18 April 2022 / Penambahbaikan: 3 Ogos 2022 / Diterima: 22 Ogos 2022 / Terbit: 1 Disember 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v33i2.4116>

Abstrak Peristiwa Bom Bali yang berlaku pada tahun 12 Oktober 2002 di Bandar Kuta, Pulau Bali, Indonesia merupakan peristiwa terpenting membabitkan tindakan keganasan di rantau Asia Tenggara. Kajian ini menganalisis peristiwa Bom Bali menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan buku *Aku Melawan Teroris* karangan Imam Samudra (2004), perancang utama serangan Bom Bali. Hasilnya, kajian ini mendapati dua perkara utama. Pertama, naratif jihad yang dibawa oleh Jemaah Islamiyyah berjaya mempengaruhi segolongan penganut Islam di Indonesia. Kedua, wujud perbezaan jelas berkaitan konsep jihad Jemaah Islamiyyah dengan ajaran Islam sebenar, khususnya tentang konflik di antara Islam dan bukan Islam, ayat seruan berjihad dan isu berkaitan dengan tindakan ‘Bom Bunuh Diri’.

Kata kunci: Peristiwa Bom Bali, Salafi Jihadi, Jemaah Islamiyyah, bom bunuh diri, perspektif Islam.

Abstract The Bali Bombing incident, which occurred on October 12, 2002, at Kuta City in Bali Island, was one of the most prominent terrorist incidents that had happened in the Southeast Asian Region. This research analysed the Bali Bombing incident through a content analysis of the mastermind of Bali Bom incident, Imam Samudra's book entitled *Aku Melawan Teroris* (2004).

This research has discovered two findings. First, Jemaah Islamiyyah's jihad narrative has been influential amongst Muslims in Indonesia. Second, there has been contrasting opinions between the narrative set forth by Jemaah Islamiyyah and the true Islamic teachings, particularly in the conflict between Muslims and non-Muslims, verses calling for jihad, and issues related to suicide bombing.

Keywords: Bali Bombing incident, Salafi Jihadi, Jemaah Islamiyyah, suicide bombing, Islamic perspective.

PENDAHULUAN

Peristiwa Bom Bali boleh dianggap sebagai salah satu elemen penting dalam kerangka gerakan kumpulan ekstremisme selepas peristiwa 11 September 2001. Ia menyaksikan gerakan ekstrem semakin berkembang walaupun ditentang oleh masyarakat antarabangsa. Dalam konteks Asia Tenggara, gerakan ekstrem atas nama Jemaah Islamiyyah yang bertanggungjawab dengan aksi Bom Bali telah berkembang dan terlibat dalam serangkaian aktiviti keganasan di Indonesia (Razak, 2018). Walaupun para ulama di Indonesia dan dunia telah mengeluarkan fatwa tentang kesalahan pengeboman Bom Bali khasnya dan ideologi ekstremisme agama amnya tetapi ia dilihat kurang berkesan bagi menghentikan ideologi ini (Karimi, 2017).

SENARIO ASAS KEJADIAN BOM BALI

Peristiwa pengeboman di Bali dilakukan oleh Jemaah Islamiyyah iaitu kumpulan pengganas yang mempunyai kaitan secara langsung dengan kumpulan Al-Qaeda. Jemaah Islamiyyah adalah cawangan Al-Qaeda di Asia Tenggara yang memperjuangkan ideologi Salafi Jihadi (Razak, 2018). Dilihat kepada latar belakang sejarahnya, Bom Bali adalah lanjutan daripada beberapa siri pengeboman yang berlaku di peringkat antarabangsa dan dalaman Indonesia sebelum itu.

Sepanjang tahun 1999-2000-an, Jemaah Islamiyyah telah terlibat dalam siri serangan bom yang menyasarkan gereja dan aset Barat serta sekutunya. Pada 24 Disember 2000, Jemaah Islamiyyah dilaporkan melakukan aksi pengeboman di beberapa gereja di Jakarta, Bekasi, Sukabumi, Cismani, Pekanbaru, Batam, Medan, Pematang Siantar, Mojokerto dan Mataram. Selepas insiden bom gereja ini, pihak kepimpinan pusat Al-Qaeda pusat merasa tidak puas hati kerana gagal menarik perhatian masyarakat dunia. Atas dasar itu, tindakan bom Bali dilancarkan (Gerdes, 2012).

Pengeboman Bali berlaku pada 12 Oktober 2002 di Bandar Kuta, Pulau Bali, Indonesia, yang mengorbankan 202 orang dan mencederakan 240 yang lain, kebanyakannya merupakan pelancong asing (Neighbor, 2004). Insiden serangan bom ini merupakan kejadian yang paling teruk dalam sejarah penggalan di Indonesia ekoran jumlah korban yang banyak serta kemusnahan yang diakibatkan daripada letusan bom terbabit (Azra, 2003).

Jumlah angka kematian yang besar disumbangkan oleh kebanyakan mangsa yang berada di dalam atau berdekatan Paddy's Pub atau Sari Club. Para mangsa terdiri daripada pelancong Barat dan mereka yang bercuti di sana dalam lingkungan umur 20-an hingga 30-an, termasuk juga beberapa penduduk Bali, sama ada yang bertugas di sekitar lokasi kejadian ataupun sedang melalui kawasan tersebut. Ratusan yang lain mengalami luka terbakar yang menggerunkan dan kecederaan berlainan. Sejumlah besar yang terkorban adalah para pelancong dari Australia dengan 88 orang terbunuh. Dua lagi mayat gagal dikenal pasti dan keduanya telah pun dibakar di Bali pada September 2003 (West, 2008).

KEKUATAN NARATIF JIHAD IMAM SAMUDRA

Penyelidik berpendapat masalah terbesar untuk menghadapi gerakan Jemaah Islamiyyah terletak kepada kekuatan naratif atau hujah yang dimiliki oleh mereka. Mereka memahami bahawa penganut Islam begitu sensitif dalam soal penghujahan dan autoriti sesuatu idea yang dibawa. Intipati ajaran Islam harus difahami, diamalkan dan dibuktikan dengan amalan termasuk dengan aksi keganasan walaupun mengorbankan nyawa sendiri.

Bagi menghuraikan naratif dalam peristiwa bom Bali ini, penyelidik merujuk kepada buku *Aku Melawan Teroris* yang ditulis oleh Imam Samudra, iaitu perancang utama Bom Bali. Selain itu, penyelidik berpandukan juga kepada hasil temu bual antara Imam Samudra dengan penyiasat di bawah Kementerian Agama Republik Indonesia, iaitu badan Litbang dan Diklat (Horgan, 2009).

Buku *Aku Melawan Teroris* yang menjadi fokus kajian ini agak signifikan kerana beberapa sebab utama. Pertama, ia menggunakan serta mengeksplorasi sumber-sumber ajaran Islam yang terdiri daripada al-Quran, sunah dan pandangan para fuqaha Islam. Pada dasarnya, ia merupakan catatan memoir dirinya yang pernah terlibat dalam perang melawan kuasa Rusia di Afghanistan. Bagi sesetengah pembacanya, catatan pengalaman ini dianggap sebagai sangat bermakna kerana ia terlibat secara langsung dalam usaha jihad melawan kuasa kafir. Ia bukannya seperti ulama Indonesia yang hanya tahu berteori tetapi tidak pernah terlibat dalam perang sebenar (Milla, 2013). Ideologi Imam Samudra ini telah ditiru oleh golongan muda (Azra, 2003). Selepas peristiwa 11 September 2001 dan bom Bali, terdapat beberapa siri serangan bom bunuh diri di Indonesia (Mbai, 2014) seperti Bom Hotel J.W. Marriott pada 2003, Bom Kedutaan Australia pada 2004, Bom Bali kedua pada 2005 dan Bom Hotel J.W. Marriott serta Ritz Carlton pada tahun 2009.

Kedua, ia ditulis di penjara yang menjadikannya lebih menarik minat pembaca. Sarjana berpendapat penjara telah menjadi pusat penyebaran ideologi ekstrem. Aktor yang terlibat dalam Bom Bali telah menghasilkan sejumlah karya untuk menarik simpati masyarakat. Status Imam Samudra sebagai tahanan penjara dapat menarik minat pembacanya (Milla, 2013).

Ketiga, ia berjaya menarik sokongan dan simpati masyarakat awam khususnya golongan muda di Indonesia. Hal ini terbukti daripada beberapa perkara:

1. Terdapat dapatan kajian mendapati sebahagian ahli masyarakat menganggap Imam Samudra sebagai hero dan syuhada (Sunesti, 2014).

2. Lebih membimbangkan, kajian Hui (2010) mendedahkan tentang wujudnya generasi muda yang lebih terdedah dengan radikal di media dalam talian. Ia semakin meningkat sepanjang hari tanpa mampu dihalang perkembangannya.
3. Buku *Aku Melawan Teroris* diterbitkan oleh beberapa penerbit Jemaah Islamiyyah yang menjadikan penerbitan buku tulisan pelaku Bom Bali sebagai alat utama untuk menarik simpati dan sokongan masyarakat (International Crisis Group, 2008). Ia telah laris dalam pasaran Indonesia dan menjadi bahan bacaan di pondok aliran Salafi di Indonesia. Buku *Aku Melawan Teroris* habis dijual dalam 12,000 naskhah yang menjadi rekod buku terlaris di Indonesia.
4. Dalam repositori media dalam talian gerakan jihadi di Indonesia atas nama Maktabah Al-Tauhid Wal Jihad telah memasukkan buku *Aku Melawan Teroris* sebagai salah satu karya rujukan utama untuk sesiapa yang berminat dengan ideologi ekstremisme (Hassan, 2012).

Maknanya, tanpa terikat dengan apa-apa sekatan khusus, sesiapa sahaja bebas mempelajari ideologi ekstrem melalui laman sesawang tersebut. Ia menjadi medium utama penyebaran ideologi ekstrem yang sangat berkesan (Ferguson, 2016). Hal ini demikian kerana, golongan muda ini lebih terdedah dalam penggunaan Internet yang sifatnya lebih terbuka, interaktif dan global (Chan, 2015).

Keempat, ideologi Jemaah Islamiyyah telah menjadi bahan asas yang kemudiannya bermutasi menjadi ideologi Daesh (Aslam, 2009). Ramai pengikut Jemaah Islamiyyah telah menjadi penyokong kepada Daesh. Bahkan, berbanding dengan ideologi Jemaah Islamiyyah ternyata ideologi Daesh lebih ekstrem (Singh, 2017).

ANALISIS KANDUNGAN BUKU AKU MELAWAN TERORIS

Buku *Aku Melawan Teroris* terbahagi kepada dua bahagian; biodata diri dan penerangan sebab kenapa bom Bali dilakukan. Buku ini juga ditulis untuk tujuan penyebaran ideologi Salafi Jihadi. Hal ini dilakukan bertepatan

dengan saranan Abu Bakar Bashir agar pelaku bom Bali perlu menulis pengakuan mereka untuk menarik penyokong (Keizer, 2018).

Merujuk bahagian justifikasi Bom Bali, ia mengandungi beberapa perkara;

i. Keterangan Tentang Maksud Jihad dalam Islam

Bagi Imam Samudra, jihad hanya merujuk secara khusus dalam bentuk peperangan (*qital*) melawan kuasa kafir. Pandangan ini dipegang daripada para ulama mujahid yang dikenali dengan *ulama 'ahluts tsughur*, iaitu orang-orang yang berada di medan jihad yang sentiasa bersiap siaga menghadapi musuh. Pegangan pada fatwa ulama *ahluts tsughur* lebih afdal kerana mereka lebih dekat kepada Allah SWT dan lebih banyak mengingat kematian dan lebih dekat mendapat hidayah dari Allah SWT.

Dalam masalah jihad, Imam Samudra berpegang pada fatwa mereka yang terlibat dalam jihad seperti Aiman al-Zhawahiri, Sulaiman Abu Ghaits, Usamah bin Ladin, Dr. Abdullah Azzam, Maulani Mullah Umar, dan guru besar para ulama anggota Dewan Fatwa Arab Saudi iaitu Hamud Uqala al-Syu'aiby. Tambah Imam Samudra, hukum pelaksanaan jihad adalah fardu ain bagi kaum Muslimin. Jihad boleh berubah menjadi fardu kifayah ketika daulah atau khalifah Islamiyah telah tegak dan tidak ada lagi kezaliman daripada pihak musuh bukan Islam.

Manifesto Jemaah Islamiyyah ada menerangkan tentang kefarduan jihad bersenjata yang wajib dipenuhi oleh pengikut Jemaah Islamiyyah (Samudra, 2004). Dalam soal ini, terbukti program indoktrinasi jihad dan mati syahid telah berjaya dilakukan dalam Al-Qaeda dan Jemaah Islamiyyah. Ideologi Salafi Jihadi sangat menekankan disiplin diri dan pengorbanan yang perlu dilalui oleh ahlinya. Latihan dan ikut serta dalam aktiviti ketenteraan sangat ditekankan. Mereka semua didapati bercita-cita untuk melakukan jihad bersenjata dan mencapai mati syahid. Hal ini boleh dikesan daripada dialog antara Amrozi dan Imam Samudra yang menceritakan matlamat jihad dan mati syahid yang diinginkan. Mengikut catatan Fealy (2003) apabila beliau menemu bual Amrozi menyatakan:

“Aku menjalankan tugas jihad ini kerana ia menjadi kewajiban seorang Muslim, agar Amerika dan sekutunya memahami bahawa setiap darah umat Islam yang tumpah tidak akan dibiarkan begitu sahaja.”

Lebih penting, komitmen Jemaah Islamiyyah untuk terlibat dalam aktiviti jihad atau mati syahid dapat dilihat daripada sejumlah siri bom yang dilakukan (Jadual 1).

Jadual 1

Senarai serangan bom berani mati Jemaah Islamiyyah sepanjang 2000-2004

Tarikh	Sasaran	Jenis Serangan
1 Ogos 2000	Kediaman Duta Filipina di Jakarta	Bom Kereta – 3 terbunuh 17 orang cedera
24 Disember 2000 - Krismas	11 gereja serentak di sebelas bandar di Jawa dan Sumatera	38 bom - 15 terbunuh 94 cedera
30 Disember 2000	Keretapi Metro Manila	Lima serentak - 14 terbunuh 70 cedera
12 Oktober 2002	2 kelab malam di Bali dan Konsulat Amerika	Satu bom besar kereta dan dua bom yang lebih kecil – 202 terbunuh 500 cedera
5 Ogos 2003	J.W. Marriott Hotel (Jakarta)	Bom kereta – 12 orang terbunuh
9 September 2004 (Jakarta)	Australian Embassy di Jakarta	Bom kereta – 9 terbunuh 100 cedera

Sumber: Baker (2005)

ii. Justifikasi Aksi Bom Bali

Imam Samudra mendakwa operasi Bom Bali adalah *jihad fi sabilillah* sejati. Hal ini didasari beberapa sebab:

Pertama, sebagai hukuman atau balas dendam dengan kezaliman kuasa Salib (Amerika) pada umat Islam. Sebagai hujahnya, ia telah memberikan ayat al-Quran:

“Dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana mereka pun memerangikamu, (wahai orang-orang yang bertakwa), semuanya dan ketahuilah bahwasannya Allah beserta orang-orang yang bertakwa.” (al-Taubah (9): 36).

Kedua, Bali dipilih kerana ia pusat maksiat dan kawasan sasaran yang tiada kawalan keselamatan. Untuk dakwaan bahawa Bali bukan merupakan kawasan konflik (perang), hal ini ternyata salah kerana pada zaman global seperti sekarang, perang antara Islam dan kuasa kafir telah berubah sifatnya menjadi perang antara dua tamadun atau agama yang berbeza.

Ketiga, mangsa atau sasaran Bom Bali bukannya bertaraf orang awam. Mereka mesti bertanggungjawab dengan salah kerajaan mereka kerana mereka memilih dan membayar cukai kepada kerajaan mereka.

Keempat, walaupun pada dasarnya membunuh atau menyerang orang awam adalah haram, tetapi kerana Amerika dan sekutunya juga telah melampaui batas dengan membunuh kaum Muslim, maka menyerang dan membunuh mereka merupakan tindakan adil berpandukan ayat 126, Surah al-Nahl.

iii. Senario Permusuhan Berterusan antara Islam dan Bukan Islam

Hal ini diperjelaskan melalui konsep tahap-tahap jihad dalam Islam. Imam Samudra mendakwa operasi Bom Bali dilakukan bersesuaian dengan tahap-tahap jihad, seperti mana terdapat dalam buku *Tarbiyah Jihad* karya Abdullah Azzam dan *Tafsir Ibn Katsir*. Tahap jihad pertama adalah tahapan menahan diri seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW di Mekah.

Tahap jihad kedua adalah diizinkan berperang apabila penyeksaan dan kekejaman semakin bertambah (al-Hajj (22): 39-40). Kemudian, diikuti dengan tahap ketiga bila mana dibenarkan melawan orang kafir dengan perang yang terbatas seperti tidak dibenarkan jihad ofensif (al-Baqarah (2): 190 & 216). Akhirnya, dalam tahap keempat telah difardukan memerangi seluruh kaum kafir dan musyrik (al-Taubah (9): 5). Imam Samudra mendakwa Bom Bali merupakan tahap jihad keempat yang mengandungi perintah jihad secara ofensif. Jihad itu harus dilakukan oleh kaum Muslimin ke atas semua masyarakat Barat sampai tidak ada lagi kemungkaran di muka bumi dan sampai agama Allah unggul di atas agama lain (al-Taubah (9): 33; al-Saff: 9).

Mengikut Imam Samudra, ayat tersebut memuktamadkan bentuk jihad ofensif yang harus dilakukan oleh umat Islam. Ayat ini secara jelasnya memberikan orang kafir dua pilihan utama, sama ada menerima Islam ataupun menghadapi perang. Kesemua bentuk pendamaian yang sebelumnya diterangkan dalam al-Quran dianggap sebagai terbatal.

iv. Kebenaran Bom Bunuh Diri

Bagi Imam Samudra, penggunaan taktik bom bunuh diri dibenarkan dalam Islam. Dalam soal ini, ia menegaskan bahawa operasi *istisyhad* (bom bunuh diri) mengandungi beberapa unsur yang dibenarkan dalam Islam:

1. Pelaku *istisyhad* memahami dengan pasti bahawa dirinya akan terbunu dalam operasi yang dilakukannya, sama ada dengan senjatanya sendiri atau senjata musuh.
2. Operasi *istisyhad* bertujuan untuk memusnahkan musuh.
3. Operasi *istisyhad* bertujuan untuk membangkitkan semangat jihad dan keberanian kaum Muslimin.

Imam Samudra menyatakan bahawa perkara terpenting dalam operasi *istisyhad* ini bergantung kepada niat dan tujuan pelaku terbabit.

Imam Samudra juga mengkritik fatwa Yusuf al-Qaradawi bahawa bom bunuh diri hanya dibenarkan untuk realiti di Palestin semata-mata.

Baginya, fatwa al-Qaradawi kurang memahami dan menyedari hakikat Perang Salib yang bersifat global. Maknanya, di mana-mana sahaja kawasan yang menyaksikan keadaan umat Islam tertindas disebabkan oleh penjajahan, maka kawasan terbabit dapat dikatakan sebagai kawasan konflik. Ia menuntut umat Islam mempergunakan kaedah terbaik sesuai dengan kemampuan yang ada.

ANALISIS HUKUM ISLAM TERHADAP BUKU *AKU MELAWAN TERORIS*

i. Konsep Jihad yang Mengelirukan

Konsep jihad bukannya setakat peperangan (*Qital*) semata-mata (Hassan, 2004). Sebaliknya, ia merangkumi jihad intelektual yang ternyata lebih penting untuk membangunkan tamadun Islam. Seperti mana yang dijelaskan oleh al-Qaradawi, jihad intelektual dalam bentuk ijtihad atau pengkajian ilmu sangat diperlukan untuk konteks dunia moden.

Konsep jihad Imam Samudra memang bertentangan dengan konsep fiqh jihad yang sebenar. Terdapat beberapa perkara yang boleh dikemukakan (Ismail, 2012):

1. Jihad hanya boleh diisyiharkan oleh pemimpin atau panglima Islam.
2. Tidak ada konsep jihad untuk membalas dendam pada musuh dalam Islam. Hujah kesalahan tentera Amerika perlu dibalas pada orang awam Barat adalah tidak betul dan bertentangan dengan *Qawaaid Fiqh; seseorang itu tidak menanggung kesalahan yang dilakukan oleh orang lain.*
3. Wajib mematuhi etika jihad seperti tidak boleh menyakiti orang awam. Aksi bom bali secara terangan bertentangan dengan etika jihad kerana Bali bukan kawasan perang (konflik). Ia menyasarkan orang awam.
4. Ia memberi citra negatif Islam pada masyarakat bukan Islam.

ii. Falsafah Tentang Wujudnya Pertentangan Abadi antara Islam dan Bukan Islam

Penggunaan falsafah ini oleh Imam Samudra dapat dilihat daripada kupsannya tentang empat tahap jihad dalam Islam. Di tahap keempat, secara langsung menunjukkan wujud pertentangan abadi antara Islam dan bukan Islam.

Para ulama berselisih pendapat tentang empat ayat *saif* (pedang) dalam Surah al-Taubah, iaitu ayat 5, 29, 36 dan 41 (Daswandi, 2017). Apa yang dapat difahami dengan maksud ayat perang yang memansuhkan ayat yang menuntut perdamaian:

1. Hubungan Islam dengan bukan Islam sentiasa dalam bentuk konflik dan perang.
2. Ia menuntut umat Islam menolak sebarang bentuk toleransi dengan bukan Islam.
3. Ia menunjukkan kebenaran jihad ofensif ke atas bukan Islam.

Perlu diingat bahawa teori yang menyebut ayat perang memansuhkan ayat damai adalah hasil ijтиhad ulama di waktu umat Islam menghadapi pertentangan dengan tentera Salib (Wardani, 2011):

iii. Penolak Sarjana Tentang Ayat *Saif* Memansuhkan Ayat Perdamaian

Bagi Bashier (2006), ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan umat Islam mengamalkan pendekatan damai, bertolak ansur dan menjauhi kekerasan adalah *muhkamat* sifatnya. Ia membawa maksud *dilalah* yang *qat'i* dan *sarih* yang tidak boleh dimansuhkan. Menurut beliau lagi, ayat pedang ini perlu ditafsirkan mengikut kesesuaian zaman yang khusus dan wajib dilihat kepada aspek *asbab al-nuzul* dan konteks ayat untuk mengelakkan salah faham dan eksploitasi dilakukan oleh mana-mana kumpulan ekstremisme.

Hal yang sama ditegaskan oleh Wahbah al-Zuhayli (1998) dan Abu Sulayman (1993) yang menegaskan majoriti fuqaha pada kurun kedua hijrah menganggap perang memang sangat diperlukan dalam menghadapi

kuasa kafir pada ketika itu. Ia menyebabkan timbul teori pemansuhan terhadap ayat-ayat berkaitan perdamaian bersama orang kafir. Lebih tepat, fuqaha pada era itu menganggap kuasa tentera perlu sentiasa bersiap siaga menghadapi tentangan orang kafir. Jadi realiti politik tersebut telah menyebabkan teori *nasakh* digunakan bagi menaikkan semangat umat Islam.

Yusuf al-Qaradawi (2009) juga tidak bersetuju dengan teori ayat pedang telah memansuhkan 140 hingga 200 ayat pendamaian kerana merupakan intipati mendasar daripada ajaran Islam. Lagipun, ayat-ayat tersebut tetap akan kekal dibaca oleh umat Islam. Tegasnya lagi, tiada nas *qat'i* atau logik akal yang membuktikan pemansuhan ini berlaku. Ia hanya bersifat agakan (*zanni*) semata-mata. Di samping itu, beliau menegaskan bahawa tafsiran ayat pedang ini perlu dikaitkan atau ditarjihkan menggunakan ayat-ayat yang lain.

Hal yang sama diutarakan oleh bekas ulama Azhar, Jadd Al-Haq yang menegaskan bahawa hubungan damai dengan bukan Islam sahaja dibenarkan, bahkan sangat dituntut dalam Islam. Dalam penolakannya terhadap karya Sulaiman Faraj yang menggunakan teori ayat pedang telah memansuhkan ayat perdamaian, Jadd al-Haq menganggapnya sebagai tindakan yang menyimpang dengan semangat al-Quran secara keseluruhannya.

Muhammad Haniff Hassan (2012) turut menegaskan bahawa dasar hubungan Islam dan bukan Islam dalam Islam adalah kedamaian dan bukan jihad (peperangan) sahaja. Beliau memberikan beberapa justifikasi. Pertama, Islam adalah agama yang mencintai kedamaian (*al-Anfal* (8): 61). Kedua, Islam adalah agama rahmat bagi semua umat manusia (*al-Anbiya'* (21): 107). Ketiga, Islam menghormati dan menghargai semua manusia (*al-Isra'* (17): 70); (*al-Maidah* (5): 32). Keempat, tidak ada paksaan dalam beragama (*al-Baqarah* (2): 256). Kelima, Islam mengharuskan pernikahan dengan perempuan ahli kitab (*al-Maidah* (5): 5). Tujuan pernikahan adalah dalam rangka mencapai cinta dan ketenangan bukan permusuhan dan kebencian. Keenam, Islam mewajibkan kepada Muslim untuk mendakwahkan ajaran Islam dengan hikmah dan pelajaran yang baik (*al-Nahl* (16): 125) dan bukan dengan rasa benci dan permusuhan. Ketujuh, Allah menciptakan manusia

dengan kepelbagaian, termasuk keragaman akidah dan agama. Namun, keragaman itu tidak sepatutnya menjadi sumber konflik tetapi kesempatan untuk saling mengenali (al-Hujurat (49): 13).

iv. Isu Keharusan Bom Bunuh Diri

Sememangnya Bom Bunuh Diri telah menjadi masalah global yang mengancam kemanusiaan sejagat (Pape & Feldman, 2010) dan berpotensi merosakkan citra Islam di mata dunia. Kajian mendapati selepas peristiwa 11 September 2001, jumlah kes Bom Bunuh Diri telah meningkat secara mendadak, hingga tahun 2015 diisytiharkan sebagai tahun Bom Bunuh Diri (Overton, 2016). Lebih menyedihkan, walaupun gerakan ekstrem mengetahui taktik Bom Bunuh Diri akan mengorbankan nyawa orang awam (Bloom, 2005), tetapi ia tetap dilakukan dengan pelbagai justifikasi (Pape & Feldman, 2010).

Penyelidik Barat yang berfikir berdasarkan *worldview* sekular memang susah hendak memahami bagaimana seseorang itu sanggup mengorbankan diri untuk alasan ingin mendapat status syahid. Ia menjadi topik hangat diperbincangkan tentang kelogikan Bom Bunuh Diri ini bagi gerakan kumpulan ekstrem.

Apa yang tragisnya, pemimpin gerakan ekstrem memang daripada awal lagi mencari dan mempergunakan pengebom Bunuh Diri untuk kepentingan mereka. Dalam kes Bom Bali, Imam Samudra telah mengindoktrinkan lima orang pelajarnya dengan ideologi Salafi Jihadi. Selepas melalui beberapa siri perjumpaan untuk operasi Bom Bali ini, pimpinan tertinggi Jemaah Islamiyyah berpendapat operasi Bom Bali hanya boleh dijalankan dengan menggunakan tiga orang pengebom berani mati. Dalam perjumpaan tersebut, Imam Samudra ada menjelaskan tentang lima orang pelajar yang telah dipersiapkan untuk tujuan pengeboman.

Selepas itu, beliau telah menawarkan peluang untuk mati syahid kepada lima orang pelajarnya dalam sebuah halaqah ilmu. Bagi memastikan tahap komitmen, Imam Samudra telah menguji mereka dengan kesanggupan untuk merompak kedai emas milik Islam di Serang, Banten. Apabila

rompakan ini berjaya dilakukan oleh lima orang pelajar tersebut, Imam Samudra seterusnya memilih dua daripada mereka untuk terlibat dalam operasi Bom Bali. Pelajar bernama Iqbal dan Idris dilaporkan terkorban dalam operasi Bom Bali.

Secara umumnya, para fuqaha bersepakat bahawa hukum Bom Bunuh Diri tanpa justifikasi yang kukuh adalah diharamkan dalam Islam. Namun begitu, gerakan ekstrem telah mempergunakan taktik ini dengan sewenang-wenangnya. Atas sebab itu, gerakan ekstrem menjustifikasi Bom Bunuh Diri ini dengan konsep *Inghimas*. Ia adalah pengorbanan diri untuk mendapatkan status mati syahid dengan membinasakan aset musuh.

Hujah kumpulan Salafi Jihadi menggunakan Bom Bunuh Diri dengan dalil *al-Qiyas* terhadap konsep *Inghimas* boleh dipertikaikan. Terdapat beberapa sebab utama. Antaranya (Hassan, 2017; Razak, 2018):

1. Tindakan menqiyaskan keduanya adalah salah kerana ia merupakan *qiyyas ma ‘a al-fariq*. Hal ini boleh dilihat dalam tiga keadaan: (i) penggunaan senjata musuh dalam *Inghimas*, sedangkan dalam kes Bom Bunuh Diri seorang itu mati dengan senjata sendiri; (ii) dalam kes *Inghimas*, si pelakunya akan terbunu dalam medan perang, sedangkan dalam kes Bom Bunuh Diri, si pengebomnya akan mati bukan dalam medan perang hingga meragut nyawa orang awam dan, (iii) *Inghimas* ada elemen kebarangkalian selamat (*high risk*), sedangkan dalam kes Bom Bunuh Diri memang pasti akan mati.
2. Hujah mengharuskan Bom Bunuh Diri dan *Inghimas* adalah berasaskan dalil yang *zanni*. Sebaliknya, hujah yang mengharamkan Bom Bunuh Diri datangnya daripada nas yang bersifat *qat‘i*. Ia juga ditegah oleh *ijma‘ ulama*.
3. Kelihatannya seolah gerakan ekstrem cuba menasakhkan nas haram Bom Bunuh Diri yang berstatus *qat‘i* dengan pandangan fuqaha yang membenarkan *Inghimas*.
4. Bom Bunuh Diri dan *Inghimas* mengorbankan orang awam. Bahkan,

ia memang menjadi sasaran utama. Walau apapun matlamat bom bunuh diri, kaedah menghalalkan cara tidak dibenarkan dalam Islam.

v. **Bom Bunuh Diri bertentangan dengan Maqasid al-Syariah**

Memang diakui bahawa terdapat dalam kalangan fuqaha yang membenarkan Bom Bunuh Diri. Ia bukan bersifat umum tetapi menjadi kes khusus bersetujuan dengan kontekstual yang khusus (Busyro, 2016). Bagi fuqaha ini, Bom Bunuh Diri dibenarkan dengan beberapa syarat:

1. Ia untuk tujuan jihad yang disasarkan kepada musuh orang Kafir *Harbi* yang memang menzalimi umat Islam. Namun begitu, orang kafir terbahagi kepada beberapa jenis: *muharibun*, *musta'minun*, *dhimmi* dan *mu'ahidun*. Hanya golongan *muharibun* yang boleh dibunuh. Selain itu, tidak dibolehkan menyasarkan orang awam.
2. Selain itu, terdapat beberapa syarat lain dalam kes membabitkan golongan muharibun, iaitu (i) tidak boleh memulakan perang tanpa didahului dengan dakwah. Dilarang menipu dan menyeksuaikan musuh; (ii) diharamkan membunuh orang awam yang terdiri orang tua, kanak-kanak, wanita dan ahli agama seperti paderi; (iii) diharamkan merosakkan tanaman, rumah ibadat dan sumber air (Hussain, 2003).
3. Ia dilakukan di kawasan musuh atau kawasan yang dirampas daripada umat Islam.
4. Ia dibuat dengan pertimbangan yang matang dan hasil khidmat nasihat daripada ketua dan pakar.
5. Pengebom harus meminta izin daripada ibu bapa. Ia dilakukan dengan ikhlas dengan niat jihad (al-Zuhayli, 2005).

Antara sarjana lain yang membenarkan Bom Bunuh Diri adalah Yusuf al-Qaradawi. Beliau berpandangan ia adalah diharuskan dalam konteks khusus di Palestin. Ia dibenarkan dengan beberapa hujah (al-Qaradawi, 2010):

Pertama, rakyat Israel semuanya bertaraf tentera yang menduduki kawasan Palestin secara salah. Kedua, rakyat Israel mempunyai ciri yang khas iaitu semua bangsa Yahudi seluruh dunia menganggap kawasan Palestin yang dijajah sebagai kawasan mereka. Ketiga, dibolehkan membunuh orang awam Islam apabila pihak musuh menjadikan mereka sebagai perisai. Jadi lebih-lebih lagi hal ini dibenarkan untuk membunuh orang awam daripada orang kafir iaitu rakyat Israel.

Keempat, terdapat dua jenis hukum iaitu hukum dalam realiti biasa dan realiti darurat.

Dalam kes Bom Bunuh Diri rakyat Palestin, ia termasuk dalam hukum realiti darurat. Lagipun, umat Islam Palestin memang tidak memiliki kekuatan ketenteraan melawan musuh yang zalim dengan peralatan canggih. Kelima, Bom Bunuh Diri dalam bentuk jihad ini berbeza dengan bunuh diri biasa dengan dua sebab; (i) bunuh diri biasa adalah tindakan lari daripada realiti hidup, sedangkan Bom Bunuh Diri adalah usaha melawan musuh dan (ii) bunuh diri dibuat dengan niat untuk lari daripada masalah, sedangkan Bom Bunuh Diri dibuat dengan niat jihad dan mengejar syahid.

Jelasnya, aksi Bom Bali tidak berasaskan kepada syarat-syarat yang telah disebutkan oleh para fuqaha yang mengharuskan operasi Bom Bunuh Diri. Ia juga secara jelas telah menyasarkan orang awam di lokasi bukan kawasan perang (*conflict zone*).

KESIMPULAN

Peristiwa Bom Bali menjadi bukti betapa dangkalnya ideologi Salafi Jihadi yang dipegang sebagai *worldview* asas Islam oleh sesetengah pengikut Islam. Bertopengkan naratif jihad membela umat Islam di seluruh dunia, pelbagai aksi ekstremisme agama telah dilakukan oleh Jemaah Islamiyyah di Indonesia. Apabila dilakukan analisis hukum terhadap individu dan fahaman yang dipegang oleh kumpulan ekstremisme seperti kefahaman mereka tentang konsep jihad, hubungan Islam dan kafir dan aksi Bom Bunuh Diri, ternyata sememangnya ia mempunyai pertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya.

PENGHARGAAN

Dapatkan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran FRGS 2019-1 - Pembinaan Modul Deradikalasasi Terrorisme Agama Berasaskan Pendekatan Tempatan Melayu-Islam yang dianugerahkan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPM atas penganugerahan geran ini sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan.

RUJUKAN

- Abu Sulayman, H. A. (1993). *Towards an Islamic theory of international relations*. USA: The International Institute of Islamic Thought.
- al-Qaradawi, Y. (2009). *Fiqh Al-Jihad*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Zuhayli, W. (1998). *Athar al Ḥarb fi al Fiqh al Islami: Dirasah Muqaranah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, W. (2005). *Al-Fiqh Al-Islamiy wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Aslam, M. M. A. (2009). The thirteen radical groups: Preliminary research in understanding the evolution of militancy in Malaysia. *Jurnal JATI*, 14, 155-157.
- Azra, A. (2003). Bali and Southeast Asian Islam: Debunking the myths. Dlm. *After Bali: The threat of terrorism in Southeast Asia* (h. 52). Singapore: Institute of Defence and Strategic Studies, Nanyang Technological University and World Scientific Publishing Company.
- Baker, J. C. (2005). Jemaah Islamiyah. Dlm. Brian Jackson (Ed.), *Aptitude for destruction: Organizational learning in terrorist groups and its implications for combating terrorism*. National Institute of Justice: RAND Infrastructure and Environment.
- Bashier, Z. (2006). *War and peace in the life of the Prophet Muhammad*. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Bloom, M. (2005). *Dying to kill: The allure of suicide terror*. New York: Columbia University Press.
- Busyro. (2016). Bom bunuh diri dalam Fatwa Kontemporer Yusuf Al-Qaradawi dan relevansinya dengan Maqasid Al-Shari'ah. *Ijihad, Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, 16 (1), 85-103.
- Chan, A. (2015). The call of ISIS: The medium and the message attracting Southeast Asians. *Journal of The International Centre for Political Violence and Terrorism Research*, 7 (4), 4-8.
- Daswandi. (2017). *Implikasi Nâsikh dan Mansûkh dalam menafsirkan Al-Qur'an (Studi analisis Tafsîr Al-Mishbâh tentang ayat saif dan damai)*. Young Progressive Muslim.

- Fealy, G. (2003). Hating Americans: Jemaah Islamiyah and the Bali Bombings. *IIAS Newsletter* #31 (July 2003).
- Ferguson, K. (2016). *Countering violent extremism through media and communication strategies: A review of the evidence*. The Partnership for Conflict, Crime and Security Research, University of Cambridge.
- Gerdes, L. M. (2012). *On The edge of Al-Qaida: Assessing Al-Qaida 'S changing role in terrorist attacks and plots over time*. Tesis kedoktoran (tidak diterbitkan). University of Pittsburgh, Pennsylvania.
- Hassan, M. H. (2004). Response to Jihadis view of jihad: A sample approach to counter ideology work. In Rohan Gunaratna (Ed.), *Combating terrorism* (hlm. 85-112). UK: Marshall Cavendish Academic.
- Hassan, M. H. (2012). War, peace or neutrality: An overview of Islamic polity's basis of inter-state relations. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(1), 115-134.
- Horgan, J. (2009). *Walking away from terrorism: Accounts of disengagement from radical and extremist*. London: Routledge.
- Hui, J. Y. (2010). The internet in Indonesia: Development and impact of radical websites. *Studies in Conflict & Terrorism*, 33(2), 171-191.
- Hussain, M. J. (2003). *Operasi mati syahid menurut al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Disertasi Sarjana untuk Jabatan Siyasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- International Crisis Group. (2008). Indonesia: Industri penerbitan Jemaah Islamiyah. *Asia Report*, N°147, 28 Pebruari 2008.
- Ismail, M. B. A. (2012). *Islamic diplomatic law and international diplomatic law: A quest for compatibility*. Tesis kedoktoran (tidak diterbitkan). University of Hull, Hull, United Kingdom.
- Karimi, N. (2017). *Fatwas against terrorism and terrorist organizations: An examination of a potential counter-terrorism tool*. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). The University of Waterloo, Ontario, Canada.
- Keizer, E. (2018). *The transformation of political Islamic terrorism in Indonesia: The Darul Islam and Jema'ah Islamiyah through terrorism*. Tesis sarjana (tidak diterbitkan). Utrecht University, Utrecht, The Netherlands.
- Mbai, A. (2014). *Dinamika baru jejarung teror di Indonesia*. Jakarta: AS Production Indonesia.
- Milla, M. N. (2013). The impact of leader–follower interactions on the radicalization of terrorists: A case study of The Bali Bombers. *Asian Journal of Social Psychology*, 16(1), 92–100.
- Neighbor, S. (2004). *In the shadow of swords: On the trail of terrorism from Afghanistan to Australia*. Sydney, Australia: Harper Collins.
- Overton, I. (2016). *What can be done to stop the rising cult of the suicide bomber?* AOAV, 22 January 2016.
- Pape, R. A., & Feldman, J. K. (2010). *Cutting the fuse: The explosion of global suicide terrorism and how to stop it*. Chicago: Chicago University Press.

- Razak, M. I. A. (2018). *Isu-isu wanita dalam fiqh jihad kumpulan ekstremisme agama: Kajian terhadap Majalah Dabiq dan kaitannya di Malaysia*. Tesis PhD. (tidak diterbitkan). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Samudra, I. (2004). *Aku melawan teroris*. Solo: Jazeera.
- Singh, B. (2017). The revival of Al-Qaeda's affiliate in Southeast Asia: The Jemaah Islamiyah. *A Journal of The International Centre for Political Violence and Terrorism Research*, 9(5), 5-7.
- Sunesti, Y. (2014). The 2002 Bali Bombing and the New Public Sphere: The portrayal of terrorism in Indonesian online discussion forums. *Al-Jāmi 'ah: Journal of Islamic Studies*, 52 (1), 231-255.
- Wardani. (2011). *Ayat pedang versus ayat damai menafsir Teori Ulang Teori Naskh dalam al-Qur'an*. Yogyakarta: Kementerian Agama RI.
- West, B. (2008). Collective memory and crisis: The 2002 Bali bombing, national heroic archetypes and the counter-narrative of cosmopolitan nationalism. *Journal of Sociology*, 44(4), 337 -353.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)

RAHIMIN AFFANDI ABDUL RAHIM (Ph.D) ialah Profesor Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Syariah di Malaysia, Sosiologi Hukum Islam, Prisip Usul Fiqh dan Pembaharuan Hukum Islam.

MUHD IMRAN ABD RAZAK (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar. Bidang pengkhususan beliau ialah Fatwa, Syariah dan Ekstremisme Agama.

AWANG AZMAN AWANG PAWI (Ph.D) ialah Profesor Madya di Jabatan Sosio Budaya-Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur. Bidang pengkhususan beliau ialah Pengajian Budaya dan Warisan Melayu.